

**PENGHASILAN BUKU KARYA ASLI
KEJURUTERAAN LANJUTAN DARI
PERSPEKTIF PENULIS**

**OLEH
ISSHAM ISMAIL
KERTAS KERJA SELARI 5 (2)**

PENGHASILAN BUKU KARYA ASLI KEJURUTERAAN LANJUTAN DARI PERSPEKTIF PENULIS¹

ISSHAM ISMAIL

Jabatan Kejuruteraan Petroleum,
Fakulti Kej. Kimia & Kej. Sumber Asli,
Universiti Teknologi Malaysia,
Skudai,
81310 UTM Skudai.
Tel: 07-5505404
Faks: 07-5581463
e-mail: issham@fkkksa.utm.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan tentang perlunya dipertingkatkan usaha menerbitkan buku karya asli kejuruteraan lanjutan, yang begitu kecil bilangannya setakat ini dalam pasaran tempatan. Memang bukannya mudah untuk menulis buku sedemikian, tetapi usaha ini adalah antara beberapa langkah penting yang mampu menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020. Setakat ini, banyak buku kejuruteraan yang diterbitkan adalah dalam bentuk asas. Memang tidak dapat dinafikan bahawa buku kejuruteraan asas memainkan peranan yang penting dalam membentuk minda pelajar supaya mereka mempunyai pemikiran secara kejuruteraan. Usaha ini bagaimanapun tidak cukup untuk menyediakan tenaga kerja baru yang mantap, lebih-lebih lagi mereka terpaksa mengulangi kebanyakan kerja harian dan mendiagnosis masalah yang pernah dilalui pekerja sebelum ini. Perkembangan sedemikian sudah pasti banyak membuang masa dan tenaga. Sehubungan itu, para penulis dan penerbit harus bersikap lebih proaktif dan profesional dalam usaha menerbitkan buku kejuruteraan lanjutan supaya pelajar bukan sahaja dapat menghayatinya ketika menuntut di institusi pengajian tinggi, malah mampu mempraktikkannya sewaktu menjalani latihan industri. Perkembangan sedemikian bukan sahaja boleh meningkatkan keyakinan para pelajar dalam menghadapi alam kejuruteraan, malah pengetahuan tentang kejuruteraan yang mantap serta prestasi yang cemerlang pasti meningkatkan kebolehpasaran graduan. Pelbagai dilema dan kekangan pasti menjadi ranjau dalam usaha murni ini. Sehubungan itu, kupasan tentang permasalahan terbabit diketengahkan dengan penyelesaiannya harus dipertimbangkan secara bersama oleh penulis dan penerbit.

Pengenalan

Anda tentu pernah terbaca akan nama ini, J.K. Rowling, seorang janda yang suatu ketika dahulu susah hidupnya, tetapi kini bergelar jutawan berikutan meletupnya buku karangan beliau, *Harry Potter*. Mereka yang peka terhadap perkembangan ini pasti tertanya-tanya pada diri sendiri tentang usaha macam mana yang harus dilakukan untuk mengamit kejayaan sedemikian! Ada yang ingin cuba menulis tetapi tidak tahu macam mana hendak memulakannya, ada yang sedang menulis tetapi sesat dalam alam penulisan, ada yang sudah terbit hasilnya tetapi bukunya hanya setakat mengisi rak di kedai buku dan pelbagai masalah lain. Pendek kata, untuk menulis buku bukannya mudah, dan apatah lagi untuk menghasilkan buku yang tinggi mutunya serta laris jualannya yang sudah pasti lagi payah. Perkara ini diburukkan lagi oleh sambutan masyarakat kita yang begitu dingin terhadap penulisan dan hasilnya, terutama jika kita membandingkannya dengan sambutan yang begitu menggalakkan yang diberikan kepada apa sahaja hasil yang bercorak hiburan.

¹ Kertas kerja ini dibentang di *Persidangan Kebangsaan Penerbitan Ilmiah 2006*, pada 14-16 November 2006, bertempat di Dewan Persidangan Persada Johor, Johor Bahru

Buku yang dikarang oleh J.K. Rowling banyak berkisar tentang alam sihir, yang sudah pasti tidak menyumbang secara positif kepada perkembangan minda orang ramai. Dengan kata lain, buku sedemikian tidak mempunyai ciri keilmiah yang sudah tentu tidak mampu mewujudkan masyarakat Malaysia yang progresif dan mempunyai pengetahuan luas dalam bidang sains dan teknologi, sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan Malaysia menerusi Wawasan 2020.

Cendekiawan dan ahli akademik sedar akan keperluan dan kepentingan penerbitan ilmiah yang mampu memangkin pembentukan masyarakat Malaysia yang progresif dan saintifik. Sehubungan itu, kebanyakan buku ilmiah yang berjaya diterbitkan adalah atas hasil usaha institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menerusi unit penerbitan masing-masing. Dalam perkara ini, Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (Penerbit UTM) adalah tidak terkecuali. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa Penerbit UTM ialah satu daripada beberapa penerbit di Malaysia yang aktif dalam penerbitan buku ilmiah, lebih-lebih lagi buku kejuruteraan asas dan kejuruteraan lanjutan.

Semua penerbitan ilmiah yang diusahakan oleh penerbit IPTA boleh dikategorikan kepada dua jenis; buku kejuruteraan dan buku bukan kejuruteraan. Setakat ini, buku kejuruteraan yang dihasilkan kebanyakannya ialah jenis pengenalan atau asas kejuruteraan. Buku sedemikian sebenarnya banyak ada di pasaran, terutama dalam bahasa Inggeris. Sebaliknya buku kejuruteraan jenis aplikasi atau lanjutan begitu sedikit bilangannya. Senario ini cukup berbeza jika dibandingkan dengan perkembangan buku bukan kejuruteraan di pasaran baik terbitan luar negara mahupun tempatan. Mengapakah berlakunya perkara sedemikian?

STATISTIK PENERBITAN BUKU KEJURUTERAAN

Penerbitan IPTA sentiasa berusaha meningkatkan penerbitan buku kejuruteraan asas dan juga buku kejuruteraan lanjutan, kerana pihak pengurusan IPTA sedar bahawa kejuruteraan ialah pemangkin kemajuan sesebuah negara. Dalam konteks ini, Penerbit UTM juga tidak ketinggalan, lebih-lebih lagi UTM ialah IPTA yang terulung dalam kejuruteraan. Jadual 1 menunjukkan bilangan buku kejuruteraan dan bukan kejuruteraan yang diterbitkan Penerbit UTM dari tahun 1987 hingga tahun 2006. Statistik menunjukkan bahawa bilangan buku kejuruteraan lanjutan (tujuh buah) yang berjaya diterbitkan masih jauh ketinggalan berbanding buku kejuruteraan asas (80 buah). Demikian juga bila dibandingkan dengan buku bukan kejuruteraan. Kepincangan sebegini menagih perhatian yang serius daripada pelbagai pihak lebih-lebih lagi jika kita mahukan Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Jadual 1 Statistik penerbitan buku kejuruteraan oleh Penerbit UTM dari tahun 1987 hingga tahun 2006 (Khalid, 2006)

Bilangan buku kejuruteraan		Bilangan buku bukan kejuruteraan	
Asas	Lanjutan	Asas	Lanjutan
7 (8.75%)	80 (91.25%)	16 (10.46%)	153 (89.54%)

KEPERLUAN BUKU KEJURUTERAAN LANJUTAN

Setakat ini, kebanyakan buku kejuruteraan yang diterbitkan IPTA termasuk Penerbit UTM adalah dalam bentuk asas atau pengenalan. Malah perkara ini telah menarik perhatian Timbalan Naib Canselor (Pembangunan dan Perancangan Korporat) UTM, Profesor Dr. Mohd. Azraai bin Kassim sehingga beliau tertanya-tanya mengapakah para penulis banyak menghasilkan buku kejuruteraan asas atau pengenalan sahaja, sedangkan penulisan buku karya asli kejuruteraan lanjutan begitu lesu (Ummul Khair, 2003)? Walaupun pelbagai pihak memberikan reaksi yang kurang menggalakkan tentang penerbitan buku sedemikian, misalnya pembaca sasaran yang terhad, tidak

menguntungkan dan lain-lain, tetapi pada hakikatnya, buku kejuruteraan lanjutan perlu diterbitkan.

Profesor Dr. Mohd. Azraai begitu peka tentang permasalahan ini kerana beliau yakin bahawa penerbitan buku kejuruteraan lanjutan mampu memberikan banyak kebaikan, iaitu:

- (1) **Meningkatkan nilai tambah graduan IPTA.** Mereka tidak perlu mengulangi banyak kerja awal demi memperoleh pengetahuan dan pengalaman seperti yang dilalui oleh pekerja sebelumnya. Demikian juga ketika mendiagnosis masalah operasi, mereka tidak akan bergelut mencari punca masalah kerana kebanyakan masalah operasi adalah jenis berulang.
- (2) **Meningkatkan kredibiliti ahli akademik.** Dengan terlibat secara aktif dalam penerbitan karya asli lebih-lebih lagi penghasilan buku kejuruteraan lanjutan, ahli akademik tempatan mampu menyaingi kemampuan ahli akademik luar negara.
- (3) **Memberi ruang untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan jurutera.** Jurutera harus juga digalakkan menulis buku kejuruteraan lanjutan kerana merekalah sumber utama ilmu yang hendak disampaikan kepada pelajar. Jurutera mungkin kurang mahir menulis buku atau kesuntukan masa, jadi ahli akademik dan penerbit boleh memberikan kerjasama bagi menjayakan penerbitan yang dirancang.
- (4) **Memastikan ahli akademik sentiasa bersikap proaktif.** Untuk menerbitkan buku kejuruteraan lanjutan bukannya mudah. Oleh itu, usaha ini pasti menagih ahli akademik supaya sentiasa menambah ilmu dari semasa ke semasa, termasuk menjalani latihan industri.
- (5) **Merangsang minat membaca di kalangan pelajar.** Dengan bertambahnya bilangan buku kejuruteraan lanjutan, banyak manfaat diperoleh pelajar terutama bila memasuki alam kerja kelak, termasuk merangsang minat membaca dalam sanubari mereka.
- (6) **Menguukuhkan lagi khazanah buku negara.** Usaha meningkatkan penerbitan buku kejuruteraan lanjutan mampu menjadikan Malaysia sebagai hab buku kejuruteraan.
- (7) **Merealisasikan Wawasan-2020.** Penerbitan buku kejuruteraan lanjutan mampu mempercepat proses membentuk masyarakat Malaysia yang progresif dan saintifik.

Memang tidak dapat dinafikan tentang kebaikan yang mampu dinikmati daripada penerbitan kejuruteraan lanjutan. Walau bagaimanapun, penerbitan sedemikian pasti menghadapi pelbagai masalah yang menghambat kelancarannya. Ini bererti, semua masalah terbabit harus ditangani secara bersama. Secara umum, hambatan yang dimaksudkan boleh berpunca daripada penulis itu sendiri, penerbit, persekitaran menulis, dan pengiktirafan. Sehubungan itu, kertas kerja ini mengetengahkan beberapa perkara yang menjadi hambatan kepada penerbitan ilmiah berbentuk kejuruteraan lanjutan. Bagi memastikan pemerolehan hasil yang lebih positif, perbincangan tentang permasalahan terbabit dilakukan dengan melibatkan perspektif penulis dan penerbit.

HAMBATAN DALAM PENGHASILAN BUKU KEJURUTERAAN LANJUTAN

Sambutan dingin yang diberikan kepada penghasilan buku kejuruteraan lanjutan berpunca daripada pelbagai faktor. Semua faktor yang dibincangkan adalah berdasarkan pengalaman penulis, interaksi dengan rakan sekerja, dan juga pencerapan yang dilakukan terhadap budaya kerja ahli akademik dari semasa ke semasa.

Ketiadaan Pengalaman Praktik

Sebenarnya perkara ini yang menjadi hambatan besar kepada mereka yang berminat menulis buku kejuruteraan lanjutan. Penulisan buku sedemikian memerlukan pengalaman

yang baik, yang biasanya diperoleh jika kita bekerja di industri. Dengan bekerja di industri, kita mampu menghayati pengaplikasian teori yang dipelajari ketika di universiti, pengoperasian alat atau sistem, berhadapan dengan masalah operasi yang memerlukan kita mendiagnosis serta meremedinya dan lain-lain. Pengalaman sedemikian tidak akan dimiliki oleh mana-mana ahli akademik jika beliau memasuki alam pekerjaan di IPTA sebaik sahaja tamatnya pengajian tingginya.

Masalah ini bagaimanapun mampu diatasi, walaupun bukannya secara total, jika ahli akademik melibatkan diri secara aktif dalam urusan yang berkait dengan kepentingan industri, misalnya melalui perundingan, penyelidikan kontrak, dan latihan industri (sebagai sebahagian daripada cuti sabbatikalnya). Kerja sedemikian walaupun tidak mampu memberikan pengetahuan dan pengalaman yang setanding dengan mereka yang bekerja di industri, tetapi pengalaman ini sebenarnya mencukupi untuk menghasilkan buku kejuruteraan lanjutan. Satu lagi cara untuk memantapkan pengalaman praktik adalah melalui perbincangan dengan pekerja industri yang berpengalaman luas. Jangan sesekali menakutkan diri dengan kekurangan pengalaman praktik sehingga mengekang penerbitan buku kejuruteraan lanjutan.

Zon Selesa

Satu daripada penyakit kronik yang dihadapi oleh kebanyakan pekerja, lebih-lebih lagi dalam sektor awam dan juga badan berkanun, ialah wujudnya zon selesa—fenomenon yang berkait dengan sikap bekerja individu terbabit. Mereka yang kurang peka ini apabila telah mencapai jawatan atau gred gaji sasaran mula menampakkan elemen kelonggaran dalam komitmen mereka terhadap kerja. Lebih memburukkan lagi keadaan ialah mereka yang menghampiri persaraan, jika diminta menulis, mereka berkata, "Saya akan bersara tidak lama lagi, suruhlah orang lain." Yang peliknya, bila sudah bersara wajib, minta pula disambung perkhidmatannya secara kontrak, dan selepas tamat kontraknya setahun atau dua tahun kemudian, diminta sambung lagi. Sepatutnya mereka harus berusaha lebih kuat kerana imbuhan yang diperoleh adalah lebih baik daripada rakan kerja lain yang sentiasa komited terhadap kerja tetapi mungkin masih belum menerima imbuhan yang setimpal.

Ahli akademik tidak terkecuali dalam perkara ini. Ada sesetengahnya masih terus menyumbang kepada penulisan dan penerbitan. Yang selebihnya mula terlena dengan imbuhan yang lumayan sehingga tidak mampu lagi menghasilkan buku ilmiah—keadaan yang bertentangan sebelum memperoleh kenaikan pangkat atau gred gaji sasaran. Cuba anda membuat perbandingan bilangan buku kejuruteraan lanjutan yang berjaya diterbitkan berbanding bilangan ahli akademik yang ada—anda pasti terkejut kerana nisbahnya kurang daripada 1% (Satapah, 2006).

Mereka ini sekiranya dibiarkan berterusan boleh melemahkan semangat kerja di kalangan rakan sejawat, menjejaskan prestasi organisasi, membazirkan masa dan wang organisasi, dan mungkin menjadi ikutan pekerja lain pula. Dalam menangani gejala kronik ini, hanya pentadbiran yang peka dan bertanggungjawab yang mampu menyedarkan pekerja dengan sikap sedemikian.

Pulangan yang Kurang Menggalakkan

Memang banyak karya asli ilmiah tidak mampu memberikan pulangan yang setimpal terhadap usaha yang dicurahkan penulis. Beberapa buah buku kejuruteraan asas dan lanjutan terbitan Barat juga berhadapan masalah yang sama. Tidak keterlaluan jika diketengahkan di sini, ada profesor di Barat hanya menerima beberapa dolar hasil daripada penjualan buku yang terlalu hambar (Zaini, 2005). Kebanyakan penulis di Malaysia masih bernasib baik kerana dibayar secara pukal berdasarkan bilangan buku yang dicetak setelah ditolak naskhah promosi.

Buku kejuruteraan lanjutan kurang laris berbanding sesetengah buku kejuruteraan asas kerana buku sedemikian diterbitkan untuk kursus yang mengkhusus dengan bilangan pelajarinya ada kecil. Orang ramai sudah tentu tidak akan membeli buku sedemikian kerana tidak memenuhi selera mereka, dan kalau dibaca pun sukar difahami.

Walau bagaimanapun, ahli akademik harus sedar tanggungjawab mereka lebih-lebih lagi penulisan dan penerbitan ialah satu daripada tugas rasmi. Jika mereka mampu menghasilkan buku kejuruteraan lanjutan, mereka harus melakukannya sebagai satu tanggungjawab sosial. Mereka tidak seharusnya terlalu memikirkan pulangan yang lumayan untuk baru mula menulis, kerana mereka sudahpun menerima gaji bulanan yang menarik pada akhir setiap bulan. Mereka harus sedar ramai lagi lulusan IPTA yang masih bergelut mencari kerja dan sesetengahnya pula bekerja dengan gaji jauh lebih rendah daripada kita. Pernahkah anda terbaca atau terdengar lulusan ijazah sarjana muda terpaksa bekerja sebagai konstabel polis?

Sikap Kurang Yakin

Penulisan karya asli ilmiah lebih-lebih lagi yang berbentuk kejuruteraan lanjutan ialah projek penulisan yang besar dan mencabar. Selain daripada memiliki pengetahuan dan pengalaman dalam bidang terbabit, bakal penulis terbabit perlu komited, gigih, dan bijak mengurus masa. Ada sesetengah ahli akademik berkata, "Untuk menulis kertas kerja pun bergelut, ini pula menulis buku." Sebenarnya, jika ahli akademik terbabit betul-betul mahu menghasilkan karya asli lebih-lebih lagi berbentuk kejuruteraan lanjutan, beliau harus belajar menulis. Mula dulu dengan penulisan yang mudah. Perkara lain yang boleh membantu ialah berbincang dengan mereka yang berpengalaman dalam bidang penulisan (iaitu mereka yang telah menghasilkan karya asli kejuruteraan lanjutan) dan mengikuti kursus penulisan karya asli.

Satu persoalan yang boleh dilontarkan ialah mengapakah ketika mereka mengikuti kursus ijazah sarjana atau Ph.D., mereka tidak mengutarakan elemen sikap kurang yakin? Dalam perkara ini, mereka terpaksa mengikuti kursus terbabit, sedangkan tiada elemen desakan dalam penghasilan buku karya asli lebih-lebih lagi yang berbentuk kejuruteraan lanjutan. Sebagai ahli akademik, mereka harus mempunyai sikap yang positif lebih-lebih lagi dalam proses pemindahan ilmu kepada masyarakat.

Tidak Cukup Masa

Tidak hairan jika kita terdengar ada ahli akademik mengatakan, "Aku tak ada masa nak tulis buku karya asli kerana sibuk dengan penyelidikan!" Sebenarnya, kalau kita pandai mengurus masa, tidak timbul masalah ini, lebih-lebih lagi ahli akademik bukannya berada sepanjang hari di makmal melakukan penyelidikan. Yang melakukan biasanya ialah pembantu penyelidik atau pelajar pascasiswazahnya.

Kita sering terdengar rungutan tentang kakitangan yang kerajaan mengambil masa minum pagi, makan tengah hari, minum petang melebihi daripada yang diperuntukkan. Demikian pula sebelah petang selepas sembahyang Jumaat. Apakah ini yang dikatakan *tidak cukup masa*. Sebenarnya semua ini alasan sahaja. Sebenarnya, jika individu terbabit benar-benar seorang yang bertanggungjawab, beliau akan sentiasa proaktif lebih-lebih lagi dalam menghasilkan buku karya asli kejuruteraan lanjutan.

Masalah Bahasa

Memandangkan bahasa Inggeris digunakan dalam pengajaran sains dan teknologi, terdapat sesetengah ahli akademik berkata, "Masihkah diterima lagi penulisan dalam bahasa Melayu?" Sebenarnya, buku ilmiah kejuruteraan lanjutan sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris bukannya suatu masalah yang besar, yang penting istilah yang digunakan dalam teks hendaklah konsisten dan jelas. Sedarkah kita bahawa masyarakat Jepun maju dengan tidak mengorbankan bahasa ibundanya (Mohd. Azhar, 2006)!

Mereka ini walaupun diberikan jawapan, "Penerbit UTM masih menerbitkan buku dalam bahasa Melayu," tetapi draf karya asli masih tidak juga kelihatan. Kita perlu tahu bahawa individu yang proaktif tidak akan mencari atau memberikan alasan atau dalih demi untuk menutup kepincangan diri mereka.

AHLI AKADEMIK KONTRAK

Satu daripada usaha yang diambil pihak universiti untuk meningkatkan kualiti graduan adalah dengan menawarkan kontrak kerja yang menarik kepada ahli akademik luar negara dan bekas jurutera atau pakar bidang tertentu. Mereka ini biasanya diminta mengajar mata pelajaran kritikal di samping menyemarakkan penyelidikan sedia ada. Memandangkan mereka ini kaya dengan pengetahuan dan pengalaman, sepatutnya mereka ini juga diminta menghasilkan buku karya asli terutama kejuruteraan lanjutan.

Pengambilan ahli akademik kontrak ini perlu dilakukan secara teliti. Jangan nanti mereka ini setakat mampu mengajar mata pelajaran asas, sedangkan sokongan mereka terhadap penyelidikan dan penulisan tidak kunjung tiba. Dengan kata lain, ahli akademik tempatan lebih berdaya saing daripada mereka. Kehadiran mereka harus mampu menyemarakkan lagi penyelidikan dan penulisan serta penerbitan, bukannya sebagai pencetus perasaan tidak puas hati di kalangan ahli akademik.

PENGIKTIRAFAN

Dunia penulisan lebih-lebih lagi penulisan ilmiah kurang mendapat tempat dan liputan di kalangan masyarakat. Sebenarnya sindrom ini bukannya sahaja berlaku di negara Malaysia, malah di negara lain juga sama ada di timur mahupun barat. Sebahagian besar manusia lebih mencintai hiburan. Perhatikan sahaja jika diadakan *Konsert Siti Nurhaliza*, pasti orang ramai tidak melepaskan peluang untuk menghadiri konsert terbabit walaupun bayaran yang dikenakan tinggi.

Dunia hiburan mendapat banyak pengiktirafan dan pemenangnya diberikan publisiti yang hebat dengan gambar mereka terpampang dalam semua akhbar, dan sering meniti di bibir orang ramai. Dunia penulisan pula lebih-lebih lagi penulisan buku kejuruteraan lanjutan mendapat pengiktirafan yang begitu terhad. Pemenangnya pula tidak mendapat publisiti yang meluas. Kalau ada beritanya dalam akhbar, setakat ala kadar sahaja. Sebagai contoh, *Anugerah Buku Negara 2005* (Ummul, 2005), para pemenangnya hanya mendapat liputan yang ringkas, sehinggakan tidak semua masyarakat kampus mengetahui bahawa seorang daripada rakan kerja mereka berjaya memenangi hadiah utama dalam majlis terbabit.

Jika keadaan ini berlanjutan tanpa wujudnya kesedaran di kalangan masyarakat, sudah pasti kita tidak mampu melahirkan penulis terbilang lebih-lebih lagi untuk menghasilkan buku kejuruteraan lanjutan. Dengan kata lain, tiada usaha serius yang diambil untuk membentuk suasana penulisan yang kondusif.

Adakah semua ini berpunca daripada masyarakat kita yang tidak gemar membaca? Soalan ini ialah satu daripada beberapa persoalan yang diketengahkan oleh banyak pihak. Sebenarnya, sebahagian besar masyarakat kita gemar membaca tetapi bahan bacaan mereka lebih menjurus kepada hiburan, kisah cinta, khayalan, komik dan lain-lain. Lihat sahaja majalah *Mangga* yang berjaya menambat hati ramai remaja kita.

Kerajaan, syarikat penaja, pihak media, guru sekolah, dan ibu bapa harus memainkan peranan masing-masing secara lebih aktif dalam mendidik generasi muda supaya gemar membaca buku bercorak sains dan teknologi sejak di tadika lagi. Tanamkan sikap suka menulis di kalangan mereka supaya menjadi amalan harian kelak. Dalam perkara ini, wujudkan pelbagai pertandingan menulis bagi merangsang minat mereka dari semasa ke semasa. Sekiranya semua pihak ikhlas dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing, remaja kita pasti menjadi manusia yang hebat kelak, bukannya setakat

tersadai di kompleks beli-belah, menyemakkan taman bunga pada masa yang tidak sepatutnya berada di sana dan pelbagai aktiviti lain yang menyakitkan mata dan hati.

PERANAN PENERBIT

Semua penerbit mempunyai tanggungjawab yang penting terutama dalam menjana suasana penulisan yang kondusif. Mereka tidak seharusnya mementingkan keuntungan setiap masa—peruntukan sedikit perbelanjaan tahunan demi memenuhi tanggungjawab sosial. Bila disebut sahaja penerbit yang proaktif, penulis terpanggil untuk mengetengahkan Penerbit UTM—secara kebetulan, penulis juga Profesor Madya di universiti yang sama.

Peranan Penerbit UTM dalam aktiviti penerbitan UTM memang diakui keberkesannya mahupun di UTM sendiri mahupun di luar. Setiap tahun, pelbagai jenis kursus diadakan untuk staf akademik UTM, dengan penceramahnya terdiri daripada staf akademik UTM sendiri dan juga pakar dari luar UTM. Kursus yang dianjurkan setiap tahun ialah Kursus Penulisan Karya Asli, Kursus Penulisan Artikel, Kursus Penulisan Tesis ke Buku, Kursus Penyuntingan, dan Kursus Pembacaan Pruf. Semua kursus memberikan banyak manfaat kepada semua staf akademik UTM terutama dalam memantapkan lagi hasil penulisan dan penerbitan masing-masing. Sebagai contoh, pada tahun 2005, Profesor Dr. Ariffin Samsuri berjaya menggondol gelaran Editor Terbaik Negara bagi kategori buku dalam bahasa Melayu, berdasarkan buku suntingannya yang berjudul, *Operasi Pelengkapan Telaga*, hasil karya Profesor Madya Issham Ismail—secara kebetulan, buku ini ialah jenis kejuruteraan lanjutan (Ummul, 2005). Satu perkara yang menarik perhatian, walaupun kursus anjuran Penerbit UTM melibatkan penceramah yang mempunyai pengalaman dalam menghasilkan buku kejuruteraan asas dan juga buku kejuruteraan lanjutan, tetapi bilangan buku kejuruteraan lanjutan yang berjaya diterbitkan masih lesu! Apakah punca permasalahan ini?

KESIMPULAN

Buku kejuruteraan lanjutan perlu diterbitkan kerana penerbitan sedemikian mampu meningkatkan nilai tambah graduan negara, lebih-lebih lagi dalam mengharungi era globalisasi. Dengan menghayati kandungannya, graduan tidak perlu mengulangi semua rentetan kerja yang dilalui pekerja terdahulu demi mendapatkan pengetahuan dan pengalaman, sebaliknya masa yang diijamatkan boleh digunakan untuk memantapkan lagi pelaksanaan tugasannya. Malah masalah operasi yang timbul tidak perlu didiagnosis dari asal kerana sesetengah masalah operasi adalah dalam bentuk berulang, yang boleh dikongsi bersama ketika mengambil mata pelajaran yang menggunakan buku lanjutan terbabit. Semua pengetahuan yang diperoleh daripada buku ketika di IPTA mampu dihayati dengan baik sekiranya pelajar terbabit menjalani latihan industri. Sehubungan itu, latihan industri juga perlu dititikberatkan kerana latihan sedemikian mampu meningkatkan pengetahuan dan pengalaman pelajar.

Ahli akademik dan jurutera harus sedar mereka mempunyai tanggungjawab yang berat untuk merealisasikan Wawasan 2020. Mereka harus mengemblengkan usaha dan tenaga secara bersama bagi menghasilkan buku kejuruteraan lanjutan bermutu tinggi. Mereka harus proaktif supaya usaha menerbitkan buku kejuruteraan lanjutan tidak menjadi lesu. Demikian juga dengan penerbit agar tidak mementingkan keuntungan semata-mata. Ada kalanya mereka terpaksa menggunakan sedikit peruntukan untuk memenuhi tanggungjawab sosial. Pendek kata, kerjasama semua pihak amat ditagih demi kepentingan negara.

Kini sudah tiba masanya untuk semua pihak terutama kerajaan supaya memberikan pengiktirafan yang setimpal kepada para penulis terutama mereka yang menghasilkan buku kejuruteraan lanjutan. Sebaik-baiknya pengiktirafan terbabit setanding dengan yang dikecapi dunia hiburan. Dengan cara ini, kita mampu menyedarkan

masyarakat Malaysia terutama para remaja supaya tidak terlena dengan hiburan dan kemewahan yang dikecapi. Sesungguhnya merekalah harapan bangsa dan negara. Jika minda mereka tidak dibentuk secara positif, negara bakal ditindas kembali oleh mereka yang rakus kuasa dan kekayaan. Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah berkata, "Kita jangan melupakan sejarah, jika tidak kita terpaksa mengulanginya."

RUJUKAN

Khalid Mazlan. 2006. *Perbualan Peribadi*. Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.

Mohd. Azhar Abd. Hamid, Mohd. Koharuddin Balwi, dan Muhamed Fauzi Othman, 2006. *Reka Cipta & Inovasi dalam Perspektif Kreativiti*. Skudai: Penerbit UTM.

Satapah Ahmad. 2006. *Perbualan Peribadi*. Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.

Ummul Khair, Ahmad et al. 2005. Karya Penerbit UTM Menang Anugerah Editor Terbaik. *Editore*. Bil.2. Skudai: Penerbit UTM.

Ummul Khair Ahmad. 2003. *Perbualan Peribadi*. Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.

Zaini Ujang. 2005. *Perbualan Peribadi*. Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.